

Peniaga Cina sangkal dakwaan Dr. Mahathir

UM- 28/10/2006

Oleh HAMDAN TAWADI

Bukan disebabkan kemelesetan ekonomi negara tetapi kerajaan yang menggalakkan usaha menembusi pasaran China

TAN KAI HEE
Setiausaha Agung
Persatuan Persahabatan
Malaysia-China

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Persatuan Persahabatan Malaysia-China menyangkal dakwaan bahawa peniaga-peniaga kaum Cina di Malaysia kini lebih berminat untuk berniaga di China berbanding di negara sendiri ekoran kemelesetan ekonomi negara.

Setiausaha Agungnya, Tan Kai Hee berkata, minat kaum Cina Malaysia melabur di negara itu bukan disebabkan kemelesetan ekonomi negara tetapi lebih kepada hubungan perdagangan yang telah lama terjalin dan atas galakan kerajaan sendiri.

"Mereka telah lama melabur di China. Bukan disebabkan kemelesetan ekonomi ne-

gara tetapi kerajaan yang menggalakkan usaha menembusi pasaran China.

"Mereka menyahut seruan kerajaan yang menyedari peluang besar yang ada di negara itu," katanya pada sidang akhbar mengumumkan delegasi konvoi persahabatan 4x4 China-ASEAN di sini hari ini.

Menurut Kai Hee lagi, negara lain juga amat berminat untuk mewujudkan hubu-

ngan perdagangan dengan China.

Sehubungan itu, katanya, dakwaan kecenderungan peniaga-peniaga kaum Cina menjalankan perniagaan di China berbanding di Malaysia disebabkan kemelesetan ekonomi negara adalah tidak tepat.

"Bukan sahaja Malaysia, negara lain juga berlumba-lumba untuk berniaga dengan China memandangkan negara itu berpotensi

menjadi antara kuasa besar ekonomi dunia," katanya.

Kai Hee mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri yang juga penaung persatuan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa ramai ahli perniagaan kaum Cina lebih suka menjalankan perniagaan di China berbanding Malaysia.

Dr. Mahathir mendakwa trend itu berlaku disebabkan kemelesetan ekonomi yang melanda negara di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kenyataan Kai Hee itu disokong oleh Setiausaha Utama dan Ketua Pejabat Kebudayaan, Kedutaan China di Kuala Lumpur, Gu

■ Lihat muka 2

Peniaga Cina sangkal dakwaan Dr. Mahathir

Hongxing yang menyatakan, hubungan perniagaan China-Malaysia telah lama terjalin dan lebih ketara sejak 2002.

"Perdagangan China-Malaysia adalah yang terbesar berbanding perdagangan China dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain sejak 2002," ujarnya.

Beliau berkata, tahun lepas hubungan perdagangan China dan Malaysia bernilai kira-kira AS\$30 bilion (RM109.5 bilion). Tahun ini kami menjangkakan peningkatan ke-

pada AS\$36 bilion (RM131.4 bilion)," katanya.

Hongxing turut menjelaskan, kerajaan China dan Malaysia sememangnya mempunyai kerjasama yang rapat terutamanya yang membabitkan hubungan perdagangan.

Dalam pada itu, Kai Hee enggan mengulas dakwaan Dr. Mahathir bahawa kemelesetan ekonomi Malaysia menjejaskan sokongan masyarakat Cina kepada parti pemerintah dan bakal mempengaruhi keputusan pilihan raya umum akan datang.